

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]  
TARIKH :  
SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melaksanakan larangan penjualan arak murah "cheap liquor" mulai Disember 2017.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mengawal penjualan arak murah "cheap liquor" atau *Compounded Hard Liquor* (CHL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan peraturan baru berkaitan Sebatian Minuman Keras (CHL) iaitu Peraturan 386A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah membuat pindaan ke atas Peraturan 361, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mengenai standard am minuman beralkohol yang sedia ada. Peraturan-peraturan tersebut telah diwartakan pada 27 Mei 2016 dan akan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017.

Peraturan 386A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 menetapkan, produk CHL hanya boleh dijual di dalam bungkusan botol kaca dengan saiz minima 700ml. Penetapan saiz minima di dalam bungkusan botol kaca ini dapat mengurangkan kebolehdapatan khususnya kepada remaja. Pindaan Peraturan 361, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah menaikkan had umur larangan penjualan minuman beralkohol daripada 18 tahun kepada 21 tahun.

**Tuan Yang Di Pertua,**

KKM telah menyediakan perancangan untuk mengawal penjualan produk CHL apabila peraturan tersebut dikuatkuasakan kelak. Di antara tindakan yang sedang diambil adalah menjalankan promosi secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran pihak industri dan orang awam mengenai perundangan berkaitan minuman beralkohol dan seterusnya menguatkuasakan Peraturan 386A dan pindaan ke atas Peraturan 361, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mulai 1 Disember 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMOR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan Kampung Seri Kinta, Ipoh, Perak, terutamanya kawasan Lorong Seri Kinta 11, Kampung Seri Kinta. Banjir kilat sering berlaku kerana ketiadaan longkang untuk air hujan berlebihan mengalir keluar ke Sungai Kinta yang berada berdekatan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Perak mendapati dua punca utama sebab berlakunya banjir kilat di Kampung Seri Kinta, Ipoh. Dua punca tersebut adalah seperti berikut:

- i. aliran air longkang utama yang keluar ke Sungai Kinta ketika hujan lebat tertahan oleh sistem "Flap Gate" yang dipasang di Jalan Seri Kinta 6; dan
- ii. sistem takungan air pada kolam tadahan sedia ada tidak berfungsi dengan baik untuk memaksimumkan kapasiti tadahan disebabkan kawasan kolam dipenuhi semak dan tumbuhan liar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi mengatasi masalah ini, beberapa tindakan seperti berikut telah diambil:

- i. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memasang sistem pam *outlet* utama bagi membolehkan air longkang utama disedut keluar ke Sungai Kinta; dan
- ii. Pihak Majlis Bandaraya Ipoh, Perak telah merangka Program Pembersihan kolam tadahan terbabit. Program ini akan bermula pada 17 Oktober 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016